Utusan Borneo: 21 November 2026

Warga emas salah guna dadah berulang dipenjara tujuh tahun

KUCHING: Seorang lelaki warga emas berusia 63 tahun dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyalahgunakan dadah secara berulang.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar memerintahkan Zamali Hassan untuk menjalani hukuman penjara berkuat kuasa dari tarikh tangkap pada 28 April 2025, selain mengenakan pengawasan selama dua tahun terhadapnya.

Noorhisham tidak mengenakan hukuman sebatan terhadap Zamali memandangkan umurnya melebihi 50 tahun.

Berdasarkan pertuduhan, Zamali didakwa memasukkan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine ke dalam badannya sendiri pada 28 April 2025, kira-kira jam 2.45 pagi di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching.

Pada masa yang sama, Zamali mempunyai rekod kesalahan lampau berkaitan pengambilan dadah, iaitu satu sabitan di bawah Seksyen 39C(1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 pada 4 Oktober 2018.

Oleh itu, untuk kesalahan kali ini, dia dituduh di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dibaca bersama Seksyen 39C(2) akta sama kerana memasukkan dadah berbahaya ke dalam tubuh secara berulang kali selepas mempunyai sabitan lampau di bawah Seksyen 39C(1).

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly sementara Zamali tidak diwakili peguam.